

06 NOV 2000

Mahathir-Sekolah

DR MAHATHIR KECEWA DENGAN BANTAHAN TERHADAP SEKOLAH WAWASAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kecewa dengan bantahan Dong Jiao Zhong terhadap konsep Sekolah Wawasan.

"Jika anda mahu saya katakan itu, saya akan katakan. Saya kecewa," kata beliau ketika diminta mengulas bantahan oleh pergerakan pendidikan Cina itu terhadap Sekolah Wawasan.

Beliau berkata ia menunjukkan bahawa kumpulan itu, yang mewakili lembaga sekolah dan persatuan guru sekolah Cina di negara ini, tidak pernah menerima apa-apa perkara mengenai pendidikan di Malaysia.

"Apa yang mereka mahu ialah pendidikan seperti di China. Segala-galanya mesti bercorak kecinaan sepenuhnya.

"Dia tak payah terimalah kalau dia tak mahu terima, tapi yang lain yang terima kita buat dulu. Kalau dua sekolah sahaja yang terima, kita buat juga," kata beliau pada pseidangan berita selepas membuka persidangan Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40 di sini.

Mengikut konsep itu, pelajar sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan akan berkongsi menggunakan kemudahan yang sama dalam suatu kawasan.

Dr Mahathir berkata rakyat keturunan Cina, Melayu dan India telah hidup bersama dan bekerja bersama-sama di negara ini.

"Kalau di China, dengan apa cara pun buatlah," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah sahabat baik China dan tidak mempunyai apa-apa bantahan kepada sistem mereka.

"Tetapi sistem mereka adalah untuk negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata sistem Sekolah Wawasan bertujuan mewujudkan integrasi kaum dan menyatukan semua rakyat dari peringkat mereka masih muda lagi.

-- BERNAMA

AR AZZ NMO